



ANTARA juadah yang ditawarkan di Retro Cafe Vivatel Kuala Lumpur sempena bulan Ramadan ini.

## Seleksi 70 juadah kampung

SEMPENA bulan Ramadan ini, penuhi selera anda dengan berkunjung ke Retro Cafe di Vivatel Kuala Lumpur. Promosi buffet berteraskan masakan kampung menjadi taruhan Vivatel pada tahun ini.

Menu pilihan akan berganti secara harian bermula 16 Julai sehingga 4 Ogos depan. Sebanyak 70 juadah kampung termasuk sajian utama, pencuci mulut, minuman dan sup akan dihidangkan sepanjang waktu berbuka puasa di Vivatel.

Mulakan detik iftar anda dengan



MASAKAN kampung menjadi pilihan utama pengunjung.

### nikmatnyaiftar!

menjamah seleksi 30 pembuka selera seperti ulam, jeruk dan kerabu yang terdiri daripada ulam raja, kerabu nangka, acar jelatah dan jeruk cermai.

Di gerai sup pula, apa kata anda basahkan tekak bersama ikan pindang, kambing berempah, ayam rasa utara atau tomyam yang menggunakan resipi kampung terbaik.

Bagi sajian utama, pengunjung boleh memilih gulai ayam limau purut, ikan keli cili hijau, ketam lemak manis, gulai udang nanas, kambing hitam manis, daging gulai kawah ketang dan daging kurma bawang.

Mereka yang tidak memilih nasi untuk berbuka bolehlah mencuba menu seperti mi hailam, laksa kari, kuetiau sup utara dan yong tau fu.

Sajian istimewa lain yang boleh diperoleh di Vivatel ialah bubur lambuk, sushi dan pasta. Sempurnakan momen berbuka

anda bersama pencuci mulut tempatan seperti bubur cha cha, kuih talam berlauk, ais kacang dan tidak dilupa, minuman wajib iaitu teh tarik Abang Ali.

Sambil menjamu selera, pengunjung juga akan dihiburkan dengan persembahan kumpulan ghazal setiap hari.

■ **Lokasi:** Retro Cafe di Vivatel, No. 85, Jalan Loke Yew, Kuala Lumpur

■ **Masa:** 6 petang hingga 10.30 malam

■ **Tempoh promosi:** 16 Julai hingga 4 Ogos 2013

■ **Harga:** RM70++ (dewasa) dan RM40++ (kanak-kanak bawah 12 tahun dan warga emas berumur 55 tahun ke atas)

■ **Telefon:** 03-9205 8888 sambungan 8810

## Sajian Warisan Malaysia KDE

BULAN Ramadan ini, Restoran Duyong di Kelab Darul Ehsan (KDE), Ampang, Selangor menyajikan hidangan buffet Ramadan untuk para pengunjung bertemakan Sajian



KERABU mangga antara menu tradisi yang patut dicuba pengunjung.

Warisan Malaysia.

Kira-kira 100 hidangan ditawarkan termasuk menu istimewa keladi masak asam, ikan patin masak tempoyak bersama keladi, ayam golek kuah percik, udang sambal petai dan pisang muda masak pucuk kaduk.

Selain lauk-pauk kampung yang menjadi cita rasa tradisi masyarakat Melayu, Restoran Duyong turut menyediakan masakan ala Cina seperti loh hon chai, udang har loh dan ketam sze chuan. Tidak lupa hidangan barbeku setiap hujung minggu.

Menu seperti kuetiau goreng, sate, lidah bakar dan soto turut disediakan. Selain itu, pencuci mulut dengan pelbagai pilihan pastri seperti agar-agar campur, tart buah-buahan, pulut durian dan air batu campur juga boleh dinikmati di

restoran itu.

Sambil menikmati juadah berbuka, pengunjung juga berpeluang mengunjungi bazar Ramadan yang terletak di laluan pintu masuk Restoran Duyong. Pelbagai barang dapat dibeli seperti aksesori wanita, kerongsang, beg tangan, telekung, tudung dan kuih-kuih raya.

■ **Lokasi:** Restoran Duyong, KDE, Taman Tun Abdul Razak, Jalan Kerja Air Lama, Ampang Jaya, Selangor

■ **Masa:** 6 petang hingga 10 malam ■ **Tempoh promosi:** 12 Julai hingga 6 Ogos 2013

■ **Harga:** RM68 (dewasa) dan RM38 (kanak-kanak berumur 4 hingga 12 tahun)

■ **Telefon:** 03-4251 1471 atau 03-4257 2333

KIRA-KIRA 100 hidangan ditawarkan kepada pengunjung Restoran Duyong di Kelab Darul Ehsan, Ampang.



IKAN patin masak tempoyak pasti membangkitkan selera saat berbuka puasa.



## JM BARIANI HOUSE

CAWANGAN

♦ Subang Jaya 03-56344660 ♦ Tesco Shah Alam 03-55102637 ♦ Tesco Ampang 03-92646040 ♦ Giant Kota Damansara 03-61422145 ♦ Subang Parade @ Market Place 03-56116023 ♦ Katering Servis 016-2114708  
♦ Mydin Mall USJ 1 013-6152038 ♦ Prima Setia Gombak 03-61951859 ♦ TTDI Java 03-78473187 ♦ Selawang Mall 012-6483282 ♦ Kelana Jaya 03-78043439 ♦ USJ 9, Taipan 03-80217661  
♦ Shah Alam Sek. 7 03-55112407 ♦ Sunria KLCC 016-3604129 ♦ Tesco Setia Alam 03-33434599 ♦ Tesco Mutiara Damansara 03-77281422 ♦ Bandar Baru Bangi 03-8912 5405 ♦ Bukit Jelutong 017-6720630

IBU PEJABAT: Subang Jaya 03-5621 3301 www.jmbariani.com jmbariani@yahoo.com

